

29 SEP 1998

LISTEC DIBATALKAN KERANA KEGAWATAN EKONOMI

LANGKAWI, 29 Sept (Bernama) -- Persidangan dan Pameran Sains dan Teknologi Islam (LISTEC) yang dijadualkan di sini dari 8 hingga 11 Okt ini dibatalkan kerana kegawatan ekonomi.

Pengarah urusan Penginapan Untuk Pelawat Akademik (LAVA), Hamdan Sulaiman, berkata acara itu yang sepatutnya dirasmikan oleh Perdana Menteri Datu Seri Dr Mahathir Mohamad, bertujuan menggalakkan prinsip-prinsip dan kebudayaan islam dalam sains dan teknologi .

Beliau berkata pembatalan itu tidak ada hubungan dengan perkembangan politik semasa di negara.

"Keputusan (untuk membatalkan) itu dibuat lama sebelum masalah politik di negara sekarang timbul," katanya apabila dihubungi.

Persidangan itu disenaraikan sebagai satu di antara acara utama di pulau peranginan ini dan dijangka mengumpulkan para cendekiawan dan pakar Islam bagi membincangkan peranan agama dalam sains dan teknologi.

Hamdan juga berkata setakat ini LAVA tidak mempunyai apa-apa program tetapi akan terus mempromosikan pulau ini sebagai tempat tumpuan para intelek dalam suasana melancong.

-- BERNAMA

NH WAT